

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VIII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

28. Kawasan Jelutong mempunyai ramai penduduk golongan berpendapatan rendah yang bergantung kepada perkhidmatan bas. Perkhidmatan bas percuma CAT (*Congestion Alleviation Transport*) oleh Kerajaan Negeri sejak April 2018 amat dialu-alukan oleh rakyat jelata.

(a) Bilakah perkhidmatan bas percuma ini akan dilancarkan di Kawasan Jelutong terutamanya KADUN Sungai Pinang? Huraikan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. (a) Kerajaan Negeri memahami keperluan golongan berpendapatan rendah yang ingin mendapatkan perkhidmatan bas percuma bagi menanggung kos sara hidup di Pulau Pinang. Pemilihan kawasan bagi melaksanakan perkhidmatan bas percuma Congestion Alleriation Transport (CAT) adalah berdasarkan beberapa kriteria seperti berikut:

- (i) Kawasan berdensiti tinggi. Padat dengan kawasan perumahan / perindustrian / perniagaan.
- (ii) Kawasan yang mengalami kadar kesesakan trafik yang tinggi;
- (iii) Kawasan yang perlu dinaik taraf sistem pengangkutan awam termasuk infrastruktur yang membantu;

- (iv) Kawasan yang mempunyai banyak aktiviti harian / perniagaan dan lain-lain; dan
- (v) Kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan bas sebelum ini.

Oleh yang demikian, dengan mengambil kira kesemua kriteria di atas, Kerajaan Negeri telah memutuskan hanya 12 laluan yang merangkumi 6 laluan di Bahagian Pulau (Air Itam, Balik Pulau, Tanjung Tokong, Georgetown, Bayan Baru dan Sungai Dua) dan 6 laluan di Seberang Perai (Bukit Mertajam, Nibong Tebal, Batu Kawan, Bertam, Alma dan Seberang Jaya) akan dilaksanakan terlebih dahulu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri bersedia untuk meneliti dan mempertimbangkan penambahan perkhidmatan ini ke kawasan Jelutong atau kawasan-kawasan lain di dalam KADUN Sungai Pinang sekiranya terdapat keperluan dan menepati kriteria pemilihan kawasan seperti senarai di atas.